

No. Sebut harga : KKM-SH/PA/01/25

**KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA
PELUPUSAN ASET ALIH KERAJAAN**

**Kementerian/ Jabatan: Kementerian Kesihatan Malaysia
Bahagian Khidmat Pengurusan**

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:

Bil.	Keterangan aset	Model	No. Pendaftaran	Kuantiti	Harga Simpanan
1	Van	KIA PREGIO FGDH55	W 4196 H	1	4,500.00

2. Aset boleh dilihat pada hari **Isnin hingga Khamis (tidak termasuk cuti umum)** di antara jam **8.30 pagi** hingga **4.30 petang** di **Lobi 2, Aras 8, Blok E7, Kompleks E, Kementerian Kesihatan Malaysia**.
3. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebut harga Pelupusan Aset Kerajaan (KEW.PA 28) yang boleh diperolehi di alamat seperti di para 4. Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari.
4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan ditanda No. Sebutharga **KKM-SH/PA/01/24** dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga di alamat:-

**Unit Pengurusan Aset
Bahagian Khidmat Pengurusan
Aras 8, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya**

5. Tarikh tutup sebut harga pada **2 Februari 2026 jam 12.00 tengah hari**. Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan. Sebarang pertanyaan boleh menghubungi **Nur Shahirah binti Mohd Shair/ Nur Syafiqah binti Azizi** di Unit Pengurusan Aset dan Perolehan melalui talian **03-8883 2417/ 03-8883 2958**.



Alamat : (AHMAD NAFIZ BIN ABD HALIM)
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Tarikh :
Cop :



SYARAT DAN PERATURAN SEBUTHARGA

1. Kenderaan akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Semua kenderaan adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (as-is where-is basis)
3. Kementerian ini tidak bertanggungjawab ke atas kenderaan yang telah dijual.
4. Penyebut harga hendaklah dimaklumkan bahawa anggaran kos pembaikan kenderaan adalah berjumlah RM11,000.00.
5. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian kenderaan seperti kos menanggal (dismantle), mengangkut, duti import, cukai Kastam dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
6. Penyebut harga hendaklah menandatangani Surat Aku Janji Penerimaan Kenderaan seperti di Lampiran 13 serta mematuhi syarat-syarat dalam Surat Aku Janji ini.
7. Penyebut harga bertanggungjawab melaksanakan perkara-perkara berikut :
 - Menyerahkan peralatan atau pelekat kepada Kementerian sebelum membawa keluar kenderaan
 - Menanggalkan pelekat Lesen Kenderaan Motor (LKM) yang masih berkuatkuasa
 - Memadamkan tulisan nama/ logo kementerian pada badan kenderaan sebelum membawa keluar kenderaan
 - Melaksanakan urusan berkaitan sekatan duti import dan cukai kastam serta menanggung kos-kos yang terlibat bagi urusan tersebut adalah ditanggung oleh penyebut harga
 - Membawa kenderaan hingga berada tahap yang lulus pemeriksaan PUSPAKOM. Melapor kepada Kementerian dari semasa ke semasa status kenderaan yang melibatkan lokasi penempatan, kerja-kerja pembaikan, pemeriksaan PUSPAKOM atau Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (APMM)
 - Membawa kenderaan ke PUSPAKOM bagi menjalani pemeriksaan PUSPAKOM hingga kenderaan lulus pemeriksaan tersebut
 - Menguruskan penukaran hak milik di JPJ/ JLM. Penukaran hak milik hendaklah diselesaikan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal berbuat demikian, Kemeterian berhak untuk membatalkan pendaftaran kenderaan di JPJ/JLM
8. Penyebutharga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak 5% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM5,000.00 mengikut mana yang terendah. Deposit sebutharga hendaklah dalam bentuk kiriman wang/ wang pos/ draf bank atau Cashier's Order sahaja atas nama Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia.
9. Tawaran tanpa/ kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.

10. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja dari tarikh pemberitahu keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, tawaran adalah terbatal dan wang deposit tidak akan dikembalikan.
11. Penyebut harga yang berjaya hendaklah mengambil kenderaan dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal berbuat demikian, bayaran dan deposit tidak akan dikembalikan dan Kementerian berhak untuk membatalkan tawaran dan merampas kenderaan tersebut untuk dilupuskan secara jualan sisa.
12. Penyebut harga boleh mengemukakan sebarang nilai tawaran hingga 80% daripada harga simpanan. Walau bagaimanapun pemilihan penyebut harga yang berjaya tertakluk kepada nilai tawaran yang tertinggi dan kelulusan Jawatankuasa Sebut Harga Kementerian.

